



7 Februari 2013
7 February 2013
P.U. (A) 41

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 7) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 7) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 7) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2011.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya apa-apa aktiviti yang berikut, dijalankan oleh orang yang layak dalam Kompleks RAPID:

- (a) pengadunan, memproses atau pemecahan minyak mentah, kondensat, suapan atau suapan pertengahan;
- (b) pengeluaran, pembuatan atau pembangunan keluaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, akhir atau pengeluaran berkaitannya;
- (c) penyimpanan, perumusan, pengadunan, pengagihan atau pemasaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, terakhir atau pengeluaran berkaitannya;
- (d) pengelasan semula LNG kepada gas dan pengagihannya relevan; atau

- (e) penjaanaan, pengagihan atau jualan semua bentuk utiliti termasuk tetapi tidak terhad kepada elektrik, air, wap, gas, hidrogen, udara atau pengolahan bahan buangan;

“Kompleks RAPID” ertinya kompleks yang mengandungi loji pemecahan cecair, loji penapisan, loji petrokimia atau pengeluaran kimia dan semua kemudahan sokongan dan tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada cecair gas asli (LNG), Terminal Penerimaan dan Pengegasan Semula (RGT), loji berkuasa COGEN, kemudahan penyimpanan atau kemudahan pengolahan bahan buangan, dan terletak di Pengerang, Johor;

“orang yang layak” ertinya—

- (a) Petroliam Nasional Berhad;
- (b) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang Petroliam Nasional Berhad memegang sekurang-kurangnya 51 peratus modal berbayar dalam saham biasa; atau
- (c) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menjalankan aktiviti yang layak dalam Kompleks RAPID yang Petroliam Nasional Berhad memegang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, saham biasa di dalam syarikat itu.

(2) Bagi maksud Perintah ini, “RAPID” adalah singkatan bagi Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia.

Pemakaian

3. Perintah ini hendaklah terpakai kepada orang yang layak yang telah membuat suatu permohonan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 10 Oktober 2011.

Pengecualian

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan orang yang layak pemastautin di Malaysia daripada bayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak dalam Kompleks RAPID bagi tempoh lima belas tahun taksiran berturut-turut bermula daripada tahun pertama taksiran dalam tempoh asas orang yang layak memperolehi pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak itu (selepas ini disebut sebagai “tahun taksiran yang dikecualikan”).

(2) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi tiap-tiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan untuk elaun tersebut dibuat.

(3) Dengan syarat bahawa jika aset yang digunakan bagi maksud aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain daripada aktiviti yang layak itu, maka elaun yang boleh diberi di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira kepada setakat mana aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang pertama disebut.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh dibebaskan atau disifatkan telah membebaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Kerugian

5. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang dilakukan sebelum atau semasa tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong terhadap pendapatan berkanun bagi aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1) dalam tahun selepas tahun taksiran yang dikecualikan sehingga aktiviti itu telah menggunakan semua amaun kerugian larasan yang ke atasnya yang ia berhak.

(2) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun bagi aktiviti yang disebut dalam subperenggan 4(1), dalam tahun selepas tahun dikecualikan tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta.

Pemakaian potongan bagi penggalakan eksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986

6. Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1), suatu perbelanjaan yang akan dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tahun taksiran yang dikecualikan di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327], hendaklah dikumpul dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tempoh asas pertama bagi suatu tahun taksiran selepas tahun taksiran yang dikecualikan itu.

Pemakaian potongan bagi penyelidikan di bawah seksyen 34B Akta

7. Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1), suatu perbelanjaan yang akan dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tahun taksiran yang dikecualikan di bawah seksyen 34B Akta hendaklah dikumpulkan dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tempoh asas pertama bagi suatu tahun taksiran selepas tahun taksiran yang dikecualikan itu.

Pemakaian potongan bagi latihan yang diluluskan

8. Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1), suatu perbelanjaan yang akan dibenarkan sebagai

suatu potongan dalam tahun taksiran yang dikecualikan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan yang Diluluskan) 1992 [*P.U. (A) 61/1992*] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan yang Diluluskan) 1995 [*P.U. (A) 111/1995*], hendaklah dikumpulkan dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tempoh asas pertama bagi suatu tahun taksiran selepas tahun taksiran yang dikecualikan itu.

Sumber dan akaun berasingan

9. (1) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(1) dan aktiviti lain atau perniagaan di dalam atau luar Kompleks RAPID, setiap aktiviti atau perniagaan itu hendaklah dianggap sebagai suatu sumber aktiviti atau perniagaan berasingan dan berlainan.

(2) Orang yang layak yang dikecualikan di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam perenggan itu.

Ketidakkpakaian

10. Perintah ini tidak terpakai bagi orang yang layak yang dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang dikecualikan orang itu—

(a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A atau elaun pelaburan di bawah Jadual 7B Akta;

(b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] kecuali di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan 1986;

(c) telah diberikan apa-apa pengecualian lain di bawah seksyen 127 Akta kecuali Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2013 [*P.U. (A) 39/2013*];

Dibuat 29 Januari 2013

[Per. 0.3865/449; LHDN.01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 7) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 7) Order 2013**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2011.

Interpretation

2. (1) In this Order—

“qualifying activity” means any of the following activity carried out by a qualifying person in RAPID Complex:

- (a) blending, processing or cracking of crude, condensates, feedstock or intermediate feedstock;
- (b) production, manufacturing or product development of petroleum, petrochemical, chemicals, intermediate, final products or its related by-products;
- (c) storing, formulating, blending, distributing or marketing of petroleum, petrochemical, chemicals, intermediate, final products or its related by-products;
- (d) re-gasification of LNG to gas and relevant distribution; or

- (e) generation, distribution or sales of all forms of utilities including but not limited to electricity, water, steam, gases, hydrogen, air or waste treatment;

“RAPID Complex” means a complex which consists of liquid cracker plants, refinery plants, petrochemical or chemical production plants and all support and auxiliary facilities including but not limited to liquid natural gas (LNG), Receiving and Re-gasification Terminal (RGT), COGEN power plant, storage facilities or waste disposal facilities, and located in Pengerang, Johor;

“qualifying person” means—

- (a) Petroliam Nasional Berhad;
- (b) any other company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] where Petroliam Nasional Berhad holds at least 51 per cent paid up capital in respect of ordinary shares; or
- (c) any other company incorporated under the Companies Act 1965 which carries out qualifying activity within the RAPID Complex where Petroliam Nasional Berhad holds, either directly or indirectly, ordinary shares in that company.

(2) For the purpose of this Order, “RAPID” is an abbreviation for Refinery and Petrochemical Integrated Development.

Application

3. This Order shall apply to a qualifying person who has made an application to the Malaysian Investment Development Authority on or after 10 October 2011.

Exemption

4. (1) Subject to subparagraph (2), the Minister exempts a qualifying person resident in Malaysia from the payment of income tax in respect of its statutory income derived from a qualifying activity in RAPID Complex for a period of fifteen consecutive years of assessment commencing from the first year of assessment in the basis period which the qualifying person derives statutory income from the qualifying activity (hereinafter referred to as the “exempt years of assessment”).

(2) The statutory income referred to in subparagraph (1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting allowances which fall to be made under Schedule 3 of the Act notwithstanding that no claim of such allowances have been made.

(3) Provided that where an asset used for the purpose of qualifying activity referred to in the subparagraph (1) is also used for the purpose of an activity other than that qualifying activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of the first-mentioned activity.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the qualifying person from complying with any requirement to submit any return or statement of account or to furnish any other information under the provision of the Act.

Losses

5. (1) Any amount of adjusted loss incurred prior or during the exempt years of assessment shall be carried forward and deducted against the statutory income of the qualifying activity referred to in subparagraph 4(1) in its post-exempt years of assessment until that activity has utilized the whole amount of the adjusted loss to which it is so entitled.

(2) So much of the adjusted loss that was utilized to reduce the statutory income of that activity referred to in subparagraph 4(1), in its post-exempt years shall be disregarded for the purposes of the subsections 43(2) and 44(2) of the Act.

Application of Deductions for Promotion of Exports under the Promotion of Investment Act 1986

6. For the purpose of computing the adjusted income from the qualifying activity referred to in subparagraph 4(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment under the section 41 Promotion of Investment Act 1986 [*Act 327*], shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

Application of deduction for research under section 34B of the Act

7. For the purpose of computing the adjusted income from the qualifying activity referred to in subparagraph 4(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment under section 34B of the Act shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

Application of deductions for approved training

8. For the purpose of computing the adjusted income from the qualifying activity referred to in subparagraph 4(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment under the Income Tax (Deduction of Approved Training) Rules 1992 [*P.U. (A) 61/1992*] and Income Tax (Deductions for Approved Training) (Amendment) Rules 1995 [*P.U. (A) 111/1995*], shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

Separate source and account

9. (1) Where a qualifying person carries on a qualifying activity referred to in subparagraph 4(1) and other activity or business within or outside RAPID Complex, each of such activity or business shall be treated as a separate and distinct source of activity or business.

(2) The qualifying person who is exempted under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from the qualifying activity referred to in that paragraph.

Non-Application

10. This Order shall not apply to a qualifying person who in the basis period for each exempt year of assessment—

(a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A or investment allowance under Schedule 7B of the Act;

(b) has been granted any incentive under the Promotion of Investment Act 1986 [Act 327] except for section 41 of the Promotion of Investment Act 1986;

(c) has been granted any other exemption under section 127 of the Act except for Income Tax (Exemption) (No. 5) Order 2013 [P.U. (A) 39/2013];

Made 29 January 2013

[Per. 0.3865/449; LHDN.01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]